

# UniMAP Megah Diambang **KEMERDEKAAN**

## UniMAP MEGAH DIAMBANG KEMERDEKAAN KE 51

Kontinjen UniMAP yang terdiri daripada Kontinjen Staf UniMAP, PALAPES dan SUKSIS telah menyertai acara Perbarisan pada malam sambutan di ambang kemerdekaan sempena Menyambut Ulang Tahun kemerdekaan ke 51.

Tahniah - Kontinjen UniMAP yang terdiri daripada staf kerana sekali lagi berjaya dinobatkan sebagai Johan Pertandingan Kawad Kemerdekaan bagi Kategori Badan Berkanun 2008.

Bagi kategori Badan Beruniform pula, Kor SUKSIS UniMAP telah dinobatkan sebagai johan dan tempat ketiga adalah PALAPES UNiMAP.

Seramai 51 orang pelajar UniMAP dijemput untuk menyertai perbarisan kemerdekaan sebagai pembawa bendera negeri dan 280 sebagai pemegang flipcard semasa program menyambut ulangtahun kemerdekaan ke-51 berlangsung di Stadium Utama Kangar.

